

**KENYATAAN YANG DIPERTUA
MAJLIS PERBANDARAN SEBERANG PERAI
MESYUARAT MAJLIS PENUH
26 FEBRUARI 2013**

1. MAJLIS CABUTAN DAN PENYAMPAIAN HADIAH CABUTAN BERTUAH SEMPENA PROMOSI BAYARAN CUKAI SETAHUN 2013 PADA DISEMBER 2012

Sukacitanya di sini saya ingin memaklumkan bahawa Majlis Cabutan dan Penyampaian Hadiah Cabutan Bertuah Sempena Promosi Bayaran Cukai Setahun 2013 pada Disember 2012 akan diadakan pada hari ini, di mana 77 pemilik premis yang telah dipilih melalui undian pada 25 Januari yang lalu akan menerima hadiah dan hadiah tersebut akan dibuat cabutan oleh Ahli-Ahli Majlis, saya dan Setiausaha Perbandaran. Program ini akan bermula pada jam 11.00 pagi di Lobi Utama Ibu Pejabat MPSP. Diharapkan Tuan/Puan dapat turut serta menjayakan program ini selepas Mesyuarat Majlis Penuh ini.

Dengan adanya program Cabutan Bertuah bermula tahun 2011 kita berjaya mengutip RM15.57 juta dari anggaran RM15 juta. Pada tahun 2012 kita berjaya mengutip RM20.72 juta dari anggaran RM16 juta.

2. **PENGENAAN NOTIS E TAKSIRAN PADA 1 MAC 2013**

Pada 28 Februari ini adalah hari terakhir pembayaran cukai taksiran bagi Penggal Pertama 2013. Pada 1 Mac 2013, Notis E Taksiran sebanyak RM10.00 akan dikenakan ke atas akaun pembayar cukai yang masih gagal menjelaskan cukai taksiran dalam tempoh yang telah ditetapkan. Diharapkan pembayar cukai yang masih belum menjelaskan cukai taksiran, hendaklah **SEGERA** membuat bayaran di Kaunter Bayaran MPSP di Bandar Perda, Butterworth dan Jawi atau secara online di laman web MPSP.

3. **LANJUTAN TEMPOH PERKHIDMATAN KAUNTER BERPUSAT**

Dimaklumkan bahawa Bahagian Kaunter Berpusat, Jabatan Khidmat Pengurusan akan melanjutkan waktu perkhidmatan kaunter sehingga jam 8.30 malam pada 28 Februari 2013 (Khamis). Perkhidmatan lanjutan tempoh operasi ini adalah untuk memberi kemudahan kepada para pelanggan dan stakeholders membuat bayaran cukai taksiran setengah tahun pertama 2013 untuk semua jenis pegangan harta berkadar seluruh Seberang Perai. Selain itu juga, penerimaan dan pemprosesan lain-lain perkhidmatan MPSP turut disediakan sepanjang lanjutan tempoh operasi.

4. SENAMROBIK BERSAMA MPSP

Dimaklumkan bahawa Program Senamrobik Bersama MPSP akan diadakan di Taman Tunku, Seberang Jaya pada hari Ahad, 3 Mac 2013 dan juga di Taman Tugu Kota Demokrasi Bagan pada hari Ahad, 17 Mac 2013. Sehubungan dengan itu, tuan-tuan dan puan-puan adalah dijemput untuk turut serta dalam aktiviti sihat kecergasan ini yang akan dimulakan pada jam 7:30 pagi bagi kedua-dua lokasi.

5. “TELEPLAN FUN WALK” DAN SENAMROBIK BERSAMA MPSP

Pada 16 Mac 2013, pada pukul 6.30 pagi bertempat di Teleplan Technology Services Sdn Bhd, 2560, Tingkat Perusahaan 4B, Zon Perdagangan Bebas Dua Perai, Teleplan Technology Services Sdn. Bhd. dan MPSP akan menganjurkan “Fun Walk” dan Senamrobik untuk menggalakkan budaya sihat dan menyokong misi kerajaan negeri “Cleaner, Greener, Safer And Healthier Penang”. Program ini akan dirasmikan oleh Y.A.B Tuan Lim Guan Eng. Tuan/puan dijemput untuk hadir bagi memeriahkan lagi program tersebut.

SEKIAN, TERIMA KASIH.